

# Mahathir mahu gunakan baki masa untuk bekerja

UM 16 MAY 2000

KUANTAN 15 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mempunyai banyak masa untuk berehat sebaliknya akan menggunakan 'baki masa' yang ada untuk terus bekerja dan menyelesaikan segala masalah negara yang belum selesai.

Perdana Menteri berkata, ini kerana beliau yakin dengan kemampuan yang ada untuk menyelesaikan segala masalah yang mesti diteruskan dari semasa ke semasa.

"Saya berpendapat masa saya untuk berehat sebenarnya tidak banyak, jadi saya guna sepenuh masa yang adaini bekerja untuk negara setakat yang saya mampu.

"Saya fikir kalau saya berehat mungkin banyak yang tidak dapat diselesaikan dalam masa hayat yang ada ini. Saya tidak boleh berhenti bekerja," tegasnya.

Beliau menyatakan demikian dalam sesi temubual sempena sambutan Hari Belia Negara 2000 di Stadium Sukpa, Bandar Indera Mahkota, di sini, hari ini.

Sebelum itu Dr. Maha-

thir ditanya oleh pengacara Afdlin Shauki apakah yang difikirkannya apabila sekali-sekali berehat setelah penat bekerja tanpa henti menguruskan negara.

Turut ditemu ramah ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Hadir sama ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

## Harapan

Dalam hubungan ini Perdana Menteri berkata, beliau hanya dapat merasakan rehat jika menunggang kuda.

"Saya suka naik kuda kerana pada masa itu saya rasa cukup rileks, entah kenapa, mungkin kerana kita perlu tumpuan supaya tidak terjatuh. Saya tiga kali jatuh kuda.

"Yang di Argentina itu saya tak jatuh (kuda), tetapi di Mauritius, saya jatuh kuda sekali, itu sahaja. Yang lain saya berpuas hati kerana saya ialah untuk bekerja," tegas beliau.

Perdana Menteri dan isteri turut ditanya pelbagai perkara berkaitan beliau, perkenalan dengan Dr. Siti

Hasmah, perkara yang mereka suka lakukan di rumah sehinggalah kepada harapannya untuk beliau akan datang.

Pada majlis itu Dr. Mahathir menjelaskan, beliau memang tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri.

"Pada masa dulu saya tidak ada cita-cita nak jadi Perdana Menteri malah pada masa itu (Allahyarham) Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pun sama.

"Kita berjuang untuk bangsa dan negara yang pada masa itu dijajah dan Alhamdulillah saya mendapat sokongan daripada keluarga dan bapa saya," ujarnya.

Ditanya rahsia beliau kelihatan sentiasa muda, Dr. Mahathir yang terkenal menjawab dengan bernas apabila diajukan soalan pintar berkata secara berseloroh:

"Saya tak simpan janggut, hari-hari saya potong pagi dan petang, saya tak tahu kenapa orang muda simpan janggut dan misai... nampak tua," katanya.

Dr. Mahathir jugaditanya panjang lebar menge-

nai beliau sekarang yang menurutnya, mengambil berat mengenai isu semasa dan masyarakat berbanding generasi terdahulu.

Ditanya bagaimana idealisme beliau dapat diketengahkan, beliau berkata, mereka mesti mengetengahkan dengan cara yang tertib dan sopan.

Beliau turut menasihatkan beliau sekarang supaya berhati-hati dengan idea-idea baru yang dijaja oleh Barat seperti globalisasi, pengaliran modal tanpa batas dan sebagainya.

"Kalau kita tak kawal ini semua, mereka akan menjajah kita semula, mereka jadikan kita miskin, mereka akan kenakan syarat kalau nak pinjam wang dan lepas itu campur tangan hal ehwal negara kita," ujarnya.

Doa beliau terhadap beliau, ialah supaya mereka mempunyai kekuatan dan idealisme untuk membangunkan dan memajukan negara.